

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN NEGARA MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN WILSON UGAK
KUMBONG
[HULU RAJANG]**

TARIKH : 18.05.2016 (RABU)

NO. SOALAN : 143

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilangan tangki Lifesaver yang telah diagihkan kepada rumah-rumah panjang di Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan bagi projek ini adalah berbentuk *one-off*. Tangki penapis H2O *Lifesaver* M1 dan H2O R1 ini telah mula dipasang di rumah panjang seluruh Sarawak bermula tahun 2013 sehingga bulan Disember 2015 dengan jumlah sebanyak 2,193 unit.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL
ABIDIN [PADANG BESAR]
[BN-UMNO]**

TARIKH : 18 MEI 2016

SOALAN : 144

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan adakah benar bilangan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara dan juga dalam negara bagi para pelajar cemerlang Bumiputera lepasan SPM 2015 oleh pihak JPA, MARA dan GLC begitu kecil sekali jumlahnya. Adakah polisi ini menepati "Hak-Hak Keistimewaan Orang Melayu" seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Apakah langkah Kerajaan untuk meningkatkan bilangan biasiswa pelajar cemerlang Bumiputera supaya dalam jangka panjang pendidikan berkualiti akan diberi kepada Bumiputera agar dapat bersaing di bidang-bidang strategik.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian melalui Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah menyusun dasar serta strategi baharu penajaan bagi membolehkan pelajar cemerlang Bumiputera berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dalam bidang-bidang strategik.

Pada tahun 2016, MARA masih meneruskan penghantaran pelajar-pelajar tajaannya untuk melanjutkan pengajian di luar negara melalui Program Pelajar Cemerlang. Program ini dikhurasukan kepada pelajar lepasan SPM 2015 bagi mengikuti pengajian di peringkat persediaan seperti *International Baccalaureate (IB)/ Advanced Level (A-Level)/ MARA American Degree Preparatory Program (MADPP)* sebelum melanjutkan pengajian dalam peringkat Ijazah Pertama di universiti terkemuka luar negara.

Berdasarkan keadaan ekonomi negara pada masa kini, Kementerian mengambil beberapa pendekatan berkaitan kaedah penajaan pelajaran MARA antaranya melalui *twinning* program bagi memastikan tidak

berlaku pengurangan tajaan pelajar ke luar negara. Namun, penghantaran kumpulan pelajar tersebut lebih tertumpu ke negara-negara yang mempunyai kos pengajian serta kos sara hidup yang lebih rendah, tanpa menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran.